



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

NGO SEBAGAI MATA DAN TELINGA KEMENTERIAN DALAM MENZAHIRKAN KEPRIHATINAN

Putrajaya, 1 April – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Konvensyen NGO KPWKM 2021. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berperanan sebagai mata dan telinga kepada Kementerian disamping membantu melaksanakan program pembangunan kumpulan sasar Kementerian.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semasa ucapan perasmiannya berkata, “Peranan NGO cukup besar dalam masyarakat kerana selain menjadi penghubung antara kerajaan dan rakyat, NGO juga berperanan sebagai *helping hands* kepada Kerajaan bagi membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif Kerajaan sekaligus bertindak sebagai agen penyampai kepada kumpulan sasar Kementerian.”

Pada tahun 2020, sebanyak RM6.5 juta diperuntukkan melalui Bantuan Khas Perbendaharaan dan inisiatif PENJANA untuk NGO memohon bagi melaksanakan program bantuan sosial kepada golongan mudah terjejas.

Konvensyen yang julung-julung kali diadakan ini telah berjaya mengumpulkan seramai 300 orang peserta daripada 165 buah NGO.

Tema **PRIHATIN BERSAMA** telah dipilih sebagai simbolik kepada semangat kebersamaan dalam melengkapikan dan membantu antara satu sama lain. Penganjuran konvensyen ini diharapkan akan membuka ruang kepada perbincangan yang rasional dan matang bagi memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

Turut hadir bersama dalam program berkenaan ialah YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. En. Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM dan YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid, Ketua Pengarah JPW.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 1 April 2021